

GARIS PANDUAN BAGI PERTUKARAN TARAF SYARIKAT

1. Syarikat awam yang mempunyai modal syer boleh menukarkan tarafnya kepada syarikat persendirian dengan menyerahsimpan dokumen berikut kepada SSM-

- a) Borang 11 – Notis Resolusi (resolusi khas) yang di serahsimpan dalam masa 14 hari dari tarikh resolusi diluluskan memastikan:
 - i) pertukaran taraf dari syarikat awam kepada syarikat persendirian dan seterusnya menyatakan pindaan ke atas namanya; and
 - ii) meminda peruntukan dalam memorandum atau artikel syarikat dengan memasukkan halangan dan sekatan ke atas syarikat persendirian seperti yang diperuntukan oleh seksyen 15(1) Akta Syarikat 1965.
- b) Fi RM50.00.

Perakuan Pemerbadanan Atas Pertukaran Menjadi Syarikat Persendirian (Borang 19) akan dikeluarkan dalam masa 1 hari sekiranya serahsimpan lengkap dan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh SSM.

2. Syarikat persendirian, tertakluk kepada kandungan memorandum dan artikennya boleh menukar tarafnya kepada syarikat awam dengan menyerahsimpan dokumen berikut:

- a) Borang 11 – Resolusi khas yang memastikan pertukaran taraf dari syarikat persendirian kepada syarikat awam dan juga pindaan ke atas nama syarikat. Borang hendaklah diserahsimpan dalam masa 14 hari dari tarikh resolusi diluluskan;
- b) Statement in Lieu of Prospectus (Jadual Keenam);
- c) Borang 18 – akuan berkanun yang mengesahkan peruntukan seksyen 52(2) Akta Syarikat telah dipatuhi;
- d) Fi RM300.00

Perakuan Pemerbadanan Atas Pertukaran Menjadi Syarikat Awam (Borang 20) akan dikeluarkan dalam masa 1 hari sekiranya serahsimpan lengkap dan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh SSM.